

17 MAR 2003

LEAD Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR BERADA DI BRAZIL UNTUK LAWATAN RASMI

Oleh: Mokhtar Hussain

BRASILIA, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada Ahad untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Brazil, kunjungan keduanya sejak 1991.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang sedang bercuti, tiba dari pekan peranginan Manaus di Amazon Tengah.

Lawatan beliau ke sini adalah atas undangan Presiden Brazil yang baru dipilih, President Luiz Inacio Lula da Silva.

Dr Mahathir disambut di Pengkalan Tentera Udara Brasilia di sini oleh Ketua Protokol, Duta Ruy de Lima Casaes E Silva, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad, Duta Malaysia ke sini, Tai Kat Meng dan beberapa orang duta dari negara Asean.

Dr Mahathir dan isteri kemudian menghadiri majlis jamuan malam yang diraikan oleh Tai di Rumah Malaysia di sini.

Acara sambutan rasmi lawatan Perdana Menteri diadakan pada Isnin di Palacio do Planalto diikuti pertemuan dengan Presiden Lula di pejabat presiden sebelum menghadiri satu mesyuarat delegasi dengan wakil kedua-dua negara.

Mesyuarat itu dijangka akan mengikat kerjasama dan hubungan lebih erat antara kedua-dua negara terutama dalam hubungan perdagangan dan ekonomi.

Malaysia dan Brazil adalah anggota Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Bank Dunia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kumpulan 15 (G15). Brazil merupakan pembekal utama gula, kopi, kacang soya, besi dan kertas ke Malaysia.

-- BERNAMA

MOK AZH RON HM